

06/08/2001

Mudah dapat bantuan punca 'mudah lupa'

Bahari Abdullah

ISU yang dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa 'Melayu Mudah Lupa' menarik perhatian semua pihak, termasuk pemimpin dan pemerhati politik dari dalam dan luar negara.

Ia terus menjadi perbualan hangat di pejabat, masjid, surau atau di kedai kopi.

Bagi mereka yang sentiasa berfikiran positif, isu 'Melayu Mudah Lupa' itu memang ada kebenarannya. Betapa tidak, bangsa Melayu yang menjadi masyarakat 'pribumi' di negara ini sentiasa mendapat bantuan serta pelbagai nikmat daripada kerajaan.

Bantuan berterusan itu bak kata pepatah Melayu, 'Dari dalam buaian hinggalah ke liang lahat'.

Faktor utama menyebabkan Melayu mudah lupa ialah mereka begitu mudah mendapat bantuan daripada kerajaan.

Dengan hanya mengisi beberapa borang permohonan atau meminta sokongan daripada pihak berkuasa tempatan, termasuk ketua kampung dan penghulu mukim, mereka akan menerima sesuatu bantuan itu.

Bagi seorang wanita, ketika mengandung mereka terdahulu mendapatkan rawatan peringkat awal di klinik kerajaan bagi memastikan kandungan mereka sihat.

Selepas melahirkan cahaya mata, rawatan diberikan secara berterusan bertujuan memastikan mereka dalam keadaan baik dan sihat.

Bayaran rawatan yang dikenakan terlalu kecil berbanding jika mereka bersalin atau mendapatkan rawatan di hospital atau klinik swasta.

Selepas meningkat usia tujuh tahun, kanak-kanak akan menempuh alam persekolahan, iaitu suatu alam baru yang menjadi kenangan abadi kepada mereka.

Bagi sekolah rendah kebangsaan yang mendapat bantuan penuh kerajaan, murid pula akan menikmati pelbagai bantuan serta kemudahan.

Bagi keluarga yang miskin, mereka diberikan bantuan buku teks melalui 'skim bantuan buku teks' (SBBT) untuk kemudahan anak mereka belajar.

Mereka juga diberikan bantuan makanan percuma ketika di sekolah yang biasanya mengandungi sajian mi, bihun, kuih-muih atau nasi lemak.

Ketika menyambung pengajian di sekolah menengah pula, sekali lagi pelajar terbabit akan menerima bantuan pinjaman buku teks melalui SPBK Kementerian Pendidikan.

Bagi pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) akan berpeluang mendapat biasiswa sekali gus menampung perbelanjaan membeli buku kerja tambahan.

Sehubungan itu, peluang untuk pelajar sekolah menengah menyambung pengajian di pusat pengajian tinggi juga terbuka luas berikutan pembukaan beberapa institusi pengajian awam dan swasta di negara ini.

Mereka yang kurang mampu disediakan biasiswa atau kemudahan pinjaman daripada pelbagai institusi bertujuan menampung perbelanjaan pelajar ketika menuntut di pusat pengajian tinggi.

Justeru, kesediaan kerajaan membentuk sistem 'kuota' juga amat menarik kerana ia memberi peluang kepada pelajar Bumiputera yang miskin mengejar cita-cita mereka.

Kemudahan serta keistimewaan itu turut dinikmati oleh golongan petani miskin yang berpendapatan rendah apabila pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan agensinya turut memberikan bantuan baja, benih serta racun serangga.

Bagi penanam padi, getah dan kepala sawit, mereka diberikan wang ganjaran berupa subsidi sebagai hadiah galakan mengusahakan komoditi itu secara berterusan.

Dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat selain melahirkan ramai cendekiawan, antaranya termasuk pakar-pakar perubatan, jurutera, ahli kimia dan ilmuwan terkenal, kita juga ramai melahirkan usahawan dan warga korporat terkenal.

Kelahiran mereka itu adalah berkat kerjasama serta bimbingan pihak kerajaan melalui badan-badan tertentu atau agensinya yang sentiasa mengambil perhatian berat kepada golongan itu.

Namun, sejauh mana kita mampu memikirkan bantuan serta sumbangan pihak kerajaan kepada masyarakat sedangkan kita diminta bertanya pada diri kita sendiri: 'Apakah sumbangan anda untuk agama, bangsa dan negara?'